

14/05/2002

Tiada cadangan benar caruman KWSP tunai haji

Shamshul Azree Samshir

IPOH, Isnin - Kerajaan tidak bercadang membenarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikeluarkan untuk menunaikan haji kerana skim itu diperkenalkan untuk simpanan hari tua dan tidak seharusnya dicampuradukkan dengan tujuan lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata KWSP dan Lembaga Tabung Haji adalah dua entiti yang mempunyai matlamat berbeza dan tidak dapat disamakan dari segi fungsi dan kepentingannya.

"KWSP ditubuhkan kerajaan untuk keselesaan hidup selepas bersara atau tidak bekerja lagi.

"Jika hendak menunaikan haji, mencarumlah di Tabung Haji dan biarlah Tabung Haji yang uruskan.

"Lebih baik KWSP jangan dicampuradukkan untuk tujuan yang sudah ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muzakarah Haji Kebangsaan Ke-18 di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman berkata, beliau akan meminta KWSP menimbang membenarkan pencarum menggunakan simpanan itu bagi mengerjakan haji sebelum bersara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin meminta KWSP mengkaji dengan teliti syor itu kerana bimbang baki simpanan pencarum berkurangan bagi kegunaan masa tua.

Mengulas perkara itu, Abdul Hamid berkata, penggunaan kaedah caruman yang dilaksanakan KWSP untuk menunaikan haji boleh diragui.

"Syarat wajib haji antaranya ialah kemampuan dari segi pergi dan balik setiap jemaah. Jadi dalam proses mengumpul sedikit demi sedikit (dalam KWSP) belum cukup membuktikan kemampuan, malah diragui kemampuan pencarum terbabit (untuk mengerjakan haji)," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, kerajaan tidak bercadang menaikkan bayaran mengerjakan haji musim depan.

Beliau juga akan ke Arab Saudi pada Ogos atau September depan bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai proses pelaksanaan ibadat haji musim depan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan mahu segera menandatangani perjanjian dengan pemilik kediaman di Makkah dan Madinah sebelum musim bagi kemudahan jemaah negara ini.

Abdul Hamid berkata, Tabung Haji juga perlu mengkaji implikasi undang-undang jika mahu beroperasi di luar negara termasuk undang-undang di negara yang menawarkan peluang itu.

"Jika bantuan khidmat nasihat dan teknikal, bila-bila masa kita bersedia untuk memberinya.

"Tetapi jika mahu Tabung Haji beroperasi di luar negara, banyak implikasi undang-undang perlu diambil kira termasuk peraturan penubuhan Tabung Haji sendiri," katanya.

(END)